

26 SEP 1998

JANGAN BAKAR KAPAL KERANA MARAHKAN NAKHODA, NASIHAT RAZALEIGH

KOTA KINABALU, 26 Sept (Bernama) -- Bekas anggota Kabinet, Tengku Razaleigh Hamzah hari ini mengingatkan rakyat Malaysia agar tidak terlalu terbawa-bawa dengan emosi sehingga boleh menyebabkan keruntuhan sistem pentadbiran negara.

Katanya para pemimpin dan rakyat jelata sepatutnya memberi sokongan dan kepercayaan penuh kepada pucuk pimpinan dan tidak menyerang mereka ketika negara mengalami krisis ekonomi dan politik.

"Apakah kita perlu bakar kapal kerana marahkan nakhoda? Jawab saya tidak, dan sebaliknya kita bersabar dan bertindak dengan waras," katanya pada perasmian seminar Pertubuhan Peladang Sabah di sini hari ini.

Tengku Razaleigh yang juga bekas Menteri Kewangan berkata beliau melihat pemimpin negara kini umpama nakhoda kapal yang bekerja keras untuk menyelamatkan kapal yang sedang belayar di celah-celah batu karang di lautan yang bergelora dan ketika malam yang gelap-gelita.

"Sebagai penumpang, kita tidak wajar mengganggu nakhoda kapal yang kita naiki ini dengan terlalu banyak tunjuk-ajar dan kritikan, apatah lagi mencari jalan mengajak orang menderhaka kepadanya," katanya.

Tengku Razaleigh juga berkata walaupun ada kelemahan dalam negara ini, para pemimpin dan rakyat tidak mesti terus saling menuding jari kerana tindakan seperti itu hanya akan menimbulkan ketidakstabilan politik yang akhirnya membawa mudarat kepada semua pihak.

Walaupun tanpa menyebutnya, kata-kata beliau itu jelas ditujukan kepada para penyokong bekas Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim, yang marah terhadap kepimpinan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang telah memecatnya daripada semua jawatan dalam kerajaan dan parti baru-baru ini.

-- BERNAMA

KG WAT